Disember 2018

C A N A N G

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember - Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) diraikan setiap 3 Disember sebagai penghargaan kepada jasa-jasa warga Orang Kelainan Upaya (OKU) dan memartabatkan kepentingan mereka dalam masyarakat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Presiden MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab; wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-pegawai kanan KKBS dan Ahli-ahli Persatuan di bawah MKOKU hadir di majlis tahlil berkenaan.

Bacaan Tahlil pada majlis tersebut dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu.

Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan bersempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU)

Majlis Perasmian SMARTER Brunei Bistro and Café dan Pelancaran Program Pekerjaan SMARTER Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Disember - "Orang Kelainan Upaya (OKU) dan masyarakat lainnya tidak ada perbezaan, kerana kita adalah satu dan perkataan 'keterangkuman' atau keterlibatan (inclusiveness) itu perlu diterapkan juga bagi OKU untuk memperkasa dan memberi kesaksamaan bagi mereka"- Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman turut menjelaskan, dengan pembukaan SMARTER Brunei Bistro and Café, persatuan tersebut kini menawarkan bagi pelajar-pelajar yang berumur 12 hingga 18 tahun, program perantisan dibawah **Program CBT (Competency Based Training Program), iaitu 'Sheltered Employment', 'Supported Employment' dan 'Open Employment'.**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Disember - Sebanyak 13 buah lukisan hasil karya pelukis tempatan, Huifong Ng dipamerkan pada Pameran Lukisan Solo 'Raja Julangan Kasih Rakyat' bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun.

Majlis Perasmian Pameran Solo Huifong Ng "RAJA JULANGAN KASIH RAKYAT"

Huifong Ng menjelaskan bahawa pameran tersebut menggambarkan hubungan simbolik dan ikatan rapat antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rakyat baginda. 'Raja Julangan Kasih Rakyat' tambahnya, adalah pameran pertama beliau di Negara Brunei Darussalam yang memaparkan kejadian-kejadian bersejarah yang diperoleh dari tahun 1965 sehingga 2018.

Pameran dianjurkan oleh Atelier Huifong Ng dan ditaja oleh AsiaEuro-Tech Sdn Bhd dengan kerjasama KKBS dan KSSUP selaku rakan kongsi strategik, diadakan Galeri Seni, Dermaga Diraja bagi memeriahkan Brunei December Festival 2018.

MENTIRI, Isnin, 3 Disember - HAOKU disambut setiap 3 Disember untuk meraikan pencapaian, kemajuan dan usaha golongan OKU atas penglibatan mereka dalam masyarakat meliputi aspek sosial, ekonomi dan budaya.

Selain itu, sambutan ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU.

HARI ANTARABANGSA ORANG KELAINAN UPAYA (HAOKU) 2018: Memperkasa OKU dan Memastikan Penglibatan dan Kesaksamaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Disember - Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei (TBKKB) TBKKB ditubuhkan bagi membantu meringankan beban golongan-golongan susah di negara ini, telah menerima sejumlah BND8,851 hasil daripada kutipan Riadah Amal Hari Perkhidmatan Awam 2018 anjuran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Institut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Belia dan Sukan.

Sumbangan berkenaan diserahkan oleh Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

PENYERAHAN DERMA BAGI TABUNG BADAN KEBAJIKAN KEBANGSAAN BRUNEI

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN NEGARA YANG MENYERTAI BIMPNT-EAGA KE 10

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Disember - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam sekali lagi telah diberikan penghormatan untuk menganjurkan Sukan Persahabatan Kawasan Pertumbuhan Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina-Northern Territory (BIMPNT-EAGA) Ke-10, 2018 bermula pada 7 hingga 9 Disember 2018.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam diwakili oleh seramai 184 orang yang terdiri daripada 138 atlet dan 48 pegawai termasuk Pegawai Urus Setia, Pengurus Pasukan dan Jurulatih.

Pada Sukan Persahabatan kali ini, atlet-atlet Negara Brunei Darussalam akan menyertai kesemua acara yang dipertandingkan, iaitu Akuatik, Boling Padang, Karatedo, Olahraga, Pencak Silat, Sepak Takraw, Taekwando dan Wushu.

JERUDONG, Rabu, 5 Disember - Bagi warga Thailand, jelasnya, tarikh 5 Disember merupakan tarikh yang sangat istimewa untuk memperingati tiga peristiwa penting iaitu Ulang Tahun Mendiang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Hari Kebangsaan Kerajaan Thailand dan Thailand Father's Day.

HUBUNGAN NBD - THAILAND TERUS KUKUH DAN MAJU

Hubungan akrab Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand yang terus maju dan kukuh dengan kerjasama dalam banyak bidang untuk kepentingan bersama seperti pertanian, pendidikan, makanan halal, budaya dan pelancongan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan datin, hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku tetamu kehormat Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Thailand yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, Empire Hotel and Country Club.

KUNJUNGAN MUHIBBAH NORTHERN TERRITORY MS KATE WARDEN
ASST MINISTER OF ABORIGINALS AFFAIRS MINISTRY OF PRIMARY INDUSTRIES
FOR ARAFURA GAMES
06.12.2018

KUNJUNGAN MUHIBBAH HIS EXCELLENCY CHARLES RAYMOND A. MAXEY
CHEF DE MISSION COMMISSIONER FOR THE PHILLIPINES SPORTS COMMISSION
08.12.2018

KUNJUNGAN MUHIBBAH YANG BERHORMAT TUAN ARUNARNSIN TAIB
PEMBANTU MENTERI BELIA DAN SUKAN NEGERI SABAH
08.12.2018

PENYERAHAN DERMA BAGI TABUNG BENCANA SULAWESI

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Disember – Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan berjumlah BND10,000 daripada Telekom Brunei Berhad (TelBru) yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Holliday kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

BATU APOI, Sabtu, 8 Disember - ***"Para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) merupakan modal insan belia yang optima, yang memiliki jati diri dan semangat patriotisme yang kental" petikan titah Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Mac semasa Majlis Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-7.***

Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan ke-8 tahun ini mencatatkan pengambilan terbesar dengan penyertaan seramai 394 belia terdiri daripada 249 lelaki dan 145 perempuan sekali gus mengatasi pengambilan-pengambilan terdahulu di Kem Latihan PKBN.

PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-8

Upacara Pembukaan Rasmi
07.12.2018

Upacara Menaikkan Bendera
06.12.2018

سوكن ڤوصحابڽ بيمڤ ن ت – ايا كك – ٢٠١٨
بروني دار السلام

BRUNEI INDONESIA MALAYSIA PHILIPPINES NORTHERN TERRITORY - EAST ASEAN GROWTH AREA

10TH BIMPNT-EAGA FRIENDSHIP GAMES 2018
BRUNEI DARUSSALAM
7 - 9 DECEMBER 2018

Foto: Syazwan(JBS)

Majlis makan malam
08.12.2018

Foto: Syazwan(JBS)

Upacara Penutupan Rasmi
09.12.2018

BERAKAS, Ahad, 9 Disember 2018 - Lebih kurang 80 projek Hari Bertindak (Day Of Action - D.O.A) 2018 yang diungkayahkan dengan kerjasama dari beberapa kementerian dan lebih daripada 40 persatuan atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs). Acara berlangsung secara serentak di keempat-empat daerah ini disertai oleh kira-kira 1,000 orang belia.

HARI BERTINDAK 2018

Hari Bertindak 2018 meliputi pelbagai aspek yang bukan sahaja mengenai kebersihan, malah ianya termasuklah dari aspek memberikan taklimat, memberikan kesedaran dan juga pengetahuan.

"Alhamdulillah, Hari Bertindak tahun ini merupakan pendekatan seluruh negara (whole of nation approach) yang bukan sahaja melibatkan golongan belia akan tetapi kesemua golongan peringkat. Namun kita amat bersyukur kerana belia kita sudah dan terus menampilkan diri dalam kerja-kerja kesukarelawanan, ianya menunjukkan bahawa negara kita mempunyai masyarakat yang peka, pengingau, titih dan mempunyai sifat kekitaan yang amat diharapkan dalam membina negara yang lebih maju dengan masyarakat yang kredibel dan cemerlang," ***Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.***

MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA PANDU BANDAR SERI BEGAWAN IBUNEGARA KEBUDAYAAN ISLAM BAGI RANTAU ASIA TAHUN 2019

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Pandu, Bandar Seri Begawan Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Juga hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu.

Mesyuarat mengesahkan catatan Minit Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu dan mendengarkan laporan status persiapan Jawatankuasa Kerja. Pameran Jejak Seni Bina dan Mercu Tanda Islam Bandar Seri Begawan dijangka akan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 17 Januari 2019 sebagai pembuka tirai sambutan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa laporan status persediaan Negara Brunei Darussalam bagi sambutan ini telah dilaporkan dalam mesyuarat khas, iaitu Extraordinary Meeting of the Islamic Culture Ministers yang telah berlangsung pada hujung bulan November 2018 di Manama, Kingdom of Bahrain.

KUNJUNGAN PERPISAHAN DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK RAKYAT CHINA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PUAN YANG TERUTAMA YANG JIAN 11 DISEMBER 2018

KUNJUNGAN MUHIBBAH DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK INDONESIA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TUAN YANG TERUTAMA DR. SUJATMIKO 11 DISEMBER 2018

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Disember - *"Dengan berbekalkan semangat patriotisme dan kenegaraan yang tinggi, serta berdasarkan kepada kaedah Whole of Nation Approach, para ahli Jawatankuasa juga diharap akan dapat bekerjasama dan berganding bahu dalam memastikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 bagi Tahun 2019 dapat berjalan dengan lancar, teratur, sempurna dan memberikan nilai tambah dari setahun ke setahun dalam suasana yang penuh kegembiraan, kemeriahan dan keceriaan dalam kalangan rakyat dan masyarakat"*- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi berucap di Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35, Tahun 2019.

Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019

Di mesyuarat tersebut mendengarkan laporan-laporan daripada Urus Setia Sambutan terhadap persiapan-persiapan yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang telah dilantik.

Mesyuarat antara lain turut membincangkan Catatan Minit Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi; pemilihan logo sambutan; laporan mengenai status acara-acara sambutan dan acara-acara sampingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Disember. - Awang Muhammad Firdaus bin Sudirman dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa yang menjuarai Pertandingan Kuiz Sejarah Kali Ke-2 Piala Rebutan Pehin Jawatan Dalam, menerima. Sementara itu, naib johan disandang oleh Awang Muhammad Aiman Syahmi bin Rosman dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan tempat ketiga Dayang Syifa Syazawani binti Suhaimi dari Sekolah Menengah Lambak Kiri.

PERTANDINGAN KUIZ SEJARAH KALI KE-2 PIALA REBUTAN PEHIN JAWATAN DALAM "Sejarah Wadah Pencetus Minda"

Hadiah-hadiah disampaikan kepada para pemenang oleh Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-2 dengan tema "Sejarah Wadah Pencetus Minda" merupakan anjuran Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan RTB.

PERTANDINGAN LAGU-LAGU BRUNEI ASLI KANAK-KANAK 'NAINDUNG MEKAR' 2018

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Disember. - Dayang Nur Qistina Adriana binti Md. Yusirwan yang mendendangkan lagu 'Samalindang' muncul sebagai juara setelah mengalahkan sembilan finalis lain pada Pertandingan Lagu-Lagu Brunei Asli Kanak-Kanak 'Naindung Mekar'. Naib juara diraih oleh Dayang Nurnazurah binti Esa dengan dendangan lagu 'Dindang didindang' diikuti tempat ketiga oleh Awang Muhammad Zuhairi bin Zuraimi dengan lagu 'Mendayut'.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pertandingan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama RTB dihasrat dapat memupuk dan menyemai minat serta bakat seni suara dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 8 hingga 14 tahun dengan mengetengahkan nyanyian lagu-lagu Brunei Asli secara lebih dekat dan praktikal.

PROGRAM MASJIDKU MAKMUR, NEGARA BERKAT
Awang Muhamad Haziq Syafiq bin Haji Aisha menyampaikan tazkirah motivasi bertajuk 'Usaha dan Doa, Membawa Kejayaan'
23 Disember 2018

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Disember. - Persatuan 3P mengadakan majlis makan malam bagi meraikan usia persatuan yang ke-30 tahun. Persatuan 3P NDB ditubuhkan sejak tahun 1987, didaftarkan pada 27 November 1987 dikenali dengan nama Persatuan Penyanyi, Penari & Pemuzik Negara Brunei Darussalam (3P).

Makan malam sempena 30 tahun Persatuan Penyanyi, Pemuzik & Penggerak Seni Negara Brunei Darussalam (3P)

Di-majlis tersebut tetamu kehormat majlis Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin telah menyempurnakan penyampaian Anugerah Penghargaan 3P kepada Insan Seni 2018 kepada Mejar Bersara Awang Haji Manaf bin Haji Khamis, Awang Haji Husin bin Haji Tuah dan Awang Zolkiflee bin Haji Butir.

Larian Belon 'Road to Jubli Emas Pusat Belia' sempena Brunei December Festival (BDF) 2018

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Disember - Juara dalam dijuarai oleh Awang Samsul bin Zamri menjuari Kategori 9.5km Larian Belon ; Road to Jubli Emas Pusat Belia'. Naib johan dimenangi oleh Awang Ali Akbar bin Ali Hashim dan Awang Arif Ama Loli bin Aminuddin di tempat ketiga.

Manakala juara bagi Kategori 5km disandangi oleh Siti Fatimah binti Mohammad manakala tempat kedua dimenangi oleh Cecilia Maksimon dan Roziahana binti Mohd. Jaya di tempat ketiga.

Larian Belon larian yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini disokong oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan dan Lembaga Pelancongan Brunei dengan kerjasama Trail 4 Health. Acara pagi itu juga diteruskan dengan lawatan pameran sebanyak 15 petak yang disediakan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi, Pusat Belia.

MAJLIS SAMBUTAN HARI KELUARGA 2018
TAMAN REKREASI SUNGAI MAU, DAERAH BELAIT

BELAIT, Ahad, 30 Disember - *"Institusi keluarga adalah seperti rumah, tiang rumah tersebut adalah kekeluargaan yang perlu dibina dan diperkukuhkan dan jika ianya kukuh akan membantu kepada pembangunan negara dan masyarakat." - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Keluarga yang berlangsung di Taman Rekreasi Sungai Mau, Daerah Belait.*

Majlis yang berlangsung bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2018 tersebut melibatkan Gabungan Majlis-Majlis Perundingan Mukim Liang, Bukit Sawat, Labi, Sukang dan Melilas serta Syarikat Methanol Brunei (BMC) dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Cawangan Belait.

Tim Penerbitan Unit Perhubungan Awam ***Penyunting & Penyemak***, Unit Perhubungan Awam
Perwajahan dan Aturhuruf Unit Perhubungan Awam
Jurufoto Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.